

Program Jejak Siswa 1Malaysia Ke Parlimen dan Kunjungan Hormat Y.B Tan Sri Abu Zahari bin Ujang dan Rombongan (Yang di Pertua Dewan Negara) ke Universiti Malaysia Sabah

Disediakan oleh : Mohd Khairuddin Ahmad

Pada 22 November 2012 yang lalu UMS dengan rasa bangga telah menerima kunjungan hormat oleh Y.B Tan Sri Abu Zahar bin Ujang dan Rombongan (Yang di Pertua Dewan Negara) ke Universiti Malaysia Sabah sekaligus melaksanakan Program Jejak Siswa 1Malaysia Ke Parlimen bertempat di Dewan Resital,

Sekolah Pengajian Seni. Program ramah mesra bersama siswa UMS tersebut merupakan salah satu pendekatan kepada siswa untuk tahu dan faham tentang isu-isu pekerjaan sosial, undang-undang dan politik siswa dalam kampus dan negara. Y. B Tan Sri juga menyatakan bahawa keberanian dalam

menyuarakan sesuatu harus ada pada diri setiap mahasiswa selagi pernyataan yang diutarakan tersebut adalah benar dan tidak menyalahi undang-undang demi menjalankan tugas yang digalas. Beliau berkata demikian sejajar dengan tugas yang disandang oleh beliau sebagai Yang DiPertua Dewan Negara.

